

Kerugian banjir cecah **RM2.9 bilion**

PUTRAJAYA - Anggaran terkini kemusnahan infrastruktur akibat banjir besar baru-baru ini mencecah RM2.9 bilion.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak yang mengumumkan angka itu semalam berkata, banjir itu juga melibatkan sekitar 400,000 mangsa di seluruh negara.

Menurutnya, sebagai peruntukan awal, kerajaan menyediakan RM800 juta untuk membaiki dan membina semula infrastruktur asas seperti sekolah, hospital, jalan raya dan jambatan selain RM893 juta bagi Bajet 2015 untuk rancangan tebatan banjir.

Katanya, kerajaan juga akan membina rumah kampung bertiang setinggi lapan kaki yang telah musnah akibat banjir kepada mereka yang mempunyai tanah sendiri, selain menyerahkan 1,000 unit rumah kos rendah yang sudah siap di Gua Musang.

"(Kerajaan juga) memberi bantuan RM500 bagi setiap keluarga yang terlibat bermula hari ini (semalam) dan menghulur sumbangan RM5,000 kepada mereka yang kehilangan ahli keluarga," katanya dalam Perutusan Khas Perdana Menteri Tentang Perkembangan Ekonomi Semasa Dan Kedudukan Kewangan Negara,



Kesan banjir baru-baru ini yang memusnahkan kediaman penduduk di Kelantan.

semalam.

Langkah-langkah itu adalah tambahan kepada peruntukan sebanyak RM500 juta sebagai bantuan permulaan kepada mangsa banjir yang diumumkan Najib, bulan lalu.

Menurut Najib, bantuan kepada rakyat dan perniagaan terjejas akibat banjir itu adalah antara strategi

diperlukan untuk memastikan pertumbuhan ekonomi berada pada landasan yang kukuh.

Beliau berkata, bagi perniagaan terjejas banjir, tambahan RM100 juta disediakan kepada Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (Tekun) dan RM100 juta kepada Amanah Ikhtiar Malaysia bagi menyediakan pinjaman

mudah untuk menyokong perusahaan kecil dan sederhana (PKS) serta perusahaan mikro.

Katanya, kedua-dua agensi itu bersama-sama Bank Simpanan Nasional, Agrobank dan SME Bank juga akan menanggungkan tempoh bayaran balik pinjaman yang telah diambil sehingga enam bulan kepada

perniagaan terjejas banjir.

"Berkait (dengan) itu, Bank Negara Malaysia akan menubuhkan Special Relief Facility (Kemudahan Bantuan Khas) berjumlah RM500 juta untuk menyediakan pembiayaan pinjaman PKS pada kadar yang lebih rendah iaitu 2.25 peratus, dengan penangguhan tempoh bayaran balik pinjaman sehingga enam bulan melalui institusi pembangunan kewangan dan perbankan," katanya.

Najib berkata, perniagaan terjejas banjir juga boleh mendapatkan Skim Pinjaman Peribadi sehingga RM50,000 daripada Bank Rakyat pada kadar keuntungan serendah 3.9 peratus dan bayaran balik pinjaman bermula selepas enam bulan dari tarikh pengeluaran.

"Selain itu, sejumlah RM500 juta akan disediakan oleh institusi kewangan dengan jaminan pembiayaan sebanyak 70 peratus di bawah Skim Jaminan Pinjaman Bantuan Banjir. Skim ini akan diuruskan oleh ProKhas," katanya.

Selain itu, PKS di kawasan terjejas juga akan mendapat pengecualian pembayaran levi oleh majikan kepada Tabung Pembangunan Sumber Manusia untuk tempoh enam bulan berkuat kuasa 1 Februari 2015.

FOTO: KHIRU SHALEH ABULLAH